

Nota: Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mendapatkan Great Critical Care Direct. Pastikan terma dan syarat am telah dibaca.

Nama Penyedia Perkhidmatan Kewangan : Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A) ("Syarikat")
Nama Produk : Great Critical Care Direct
Tarikh : <dd/mm/yyyy>

1. Apakah produk ini?

Great Critical Care Direct ialah pelan perlindungan bertempoh tanpa penyertaan dalam keuntungan. Pelan ini menawarkan perlindungan terhadap 45 Kejadian yang Dilindungi sehingga ulang tahun polisi apabila hayat yang diasuranskan berumur 80 tahun hari jadi berikut. Pelan ini tidak mempunyai elemen simpanan atau pelaburan.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Jumlah asurans asas bagi pelan ini ialah RM< Jumlah Asurans Asas*>. Ia akan dibayar semasa salah satu daripada Kejadian yang Dilindungi** berlaku; tertakluk pada terma dan syarat yang dinyatakan dalam kontrak polisi.

Tempoh perlindungan: Sehingga umur 80 tahun hari jadi berikut atau semasa penamatan, mana yang berlaku dahulu.

* Jumlah Asurans Asas merujuk pada Jumlah Asurans Asas yang anda pilih dalam Jadual Amaun Premium pada Lampiran 1.

** Apabila Angioplasti dan rawatan pembedahan lain untuk penyakit arteri koronari utama berlaku, Syarikat akan membayar 10% daripada jumlah asurans asas, tertakluk pada maksimum RM25,000 bagi setiap hayat.

Selepas tuntutan ke atas Angioplasti dan rawatan pembedahan lain untuk penyakit arteri koronari utama:

- premium bagi pelan ini akan kekal tidak berubah, dan
- sebarang tuntutan yang dihantar berikutnya akan dikurangkan secara bersekadar mengikut amaun yang dibayar untuk Angioplasti dan rawatan pembedahan lain untuk penyakit arteri koronari utama.

Apabila hayat yang diasuranskan meninggal dunia, 10% daripada jumlah asurans asas akan dibayar sebagai manfaat pengebumian.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

- Premium permulaan yang anda perlu bayar bagi pelan ini adalah RM<premium yang dibayar> <jenis premium: Tahunan, Setengah Tahunan, Suku Tahunan atau Bulanan>. Sila rujuk Jadual Amaun Premium pada Lampiran 1 untuk premium selanjutnya.
- Tempoh premium: Sehingga umur 80 tahun hari jadi berikut atau semasa penamatan, mana yang berlaku dahulu.

Nota:

- Premium berbeza mengikut umur hari jadi berikut yang dicapai, jantina, status merokok dan premium akan meningkat mengikut umur.
- Premium adalah tidak dijamin dan Syarikat berhak menyemak semula premium pada ulang tahun polisi anda dengan memberikan anda notis bertulis sekurang-kurangnya 3 bulan terlebih dahulu. Semakan semula, jika ada, menyasarkan untuk menggambarkan pengalaman tuntutan atau keadaan lain yang wajar. Perubahan tersebut akan digunakan kepada semua pemilik polisi tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan individu.
- Anda boleh memilih untuk membayar premium secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan.

4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

Tiada yuran dan caj bagi pelan ini.

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu ketahui?

- Kepentingan untuk membuat pendedahan - anda mestilah mendedahkan semua fakta yang material seperti keadaan perubatan dan umur dengan betul.
- Tempoh memerhati bebas - anda boleh membatalkan polisi dengan memulangkan polisi insurans dalam tempoh 15 hari selepas menerimanya. Premium yang telah dibayar (setelah ditolak dengan sebarang bayaran perubatan yang ditanggung) akan dibayar balik kepada anda.
- Tempoh menunggu - kelayakan bagi manfaat Kejadian yang Dilindungi hanya akan bermula 30 hari atau 60 hari (bergantung pada jenis kejadian yang dilindungi) selepas tarikh berkuat kuasa atau tarikh penguatkuasaan semula polis insurans anda, mana yang kemudian.
- Tempoh hidup – Jika salah satu daripada 45 Kejadian yang Dilindungi berlaku, hayat yang diasuranskan mestilah hidup sekurang-kurangnya 7 hari selepas tarikh diagnosis untuk Manfaat Kejadian yang Dilindungi boleh dibayar.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi bagi terma dan syarat di bawah pelan ini.

6. Bagaimanakah saya boleh membuat tuntutan?

Anda mestilah menghantar borang tuntutan dan dokumen sokongan untuk pembayaran balik Perbelanjaan yang Layak. Senarai semak untuk membuat tuntutan dan borang terkini boleh didapati pada laman sesawang greateasternlife.com/my dan borang yang relevan boleh dimuat turun.

7. Apakah pengecualian utama di bawah pelan ini?

- Sebarang Kejadian yang Dilindungi yang sedia wujud sebelum Tarikh Permulaan Risiko atau sebelum tarikh sebarang penguatkuasaan semula atau semasa tempoh menunggu, mana yang kemudian.
- Sebarang Kejadian yang Dilindungi yang bermula, berlaku atau didiagnosis semasa tempoh menunggu masing-masing, dari Tarikh Permulaan Risiko atau dari sebarang tarikh penguatkuasaan semula polisi, mana yang paling akhir.
- Kejadian yang Dilindungi disebabkan kecacatan atau penyakit kongenital secara langsung atau tidak langsung, yang menunjukkan atau telah didiagnosis sebelum hayat yang diasuranskan mencapai umur 17 tahun hari jadi berikut.
- Kejadian yang Dilindungi (selain daripada Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah, AIDS Dengan Gejala Penuh dan Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) Disebabkan Pekerjaan seperti ditakrifkan dalam Polisi) disebabkan secara langsung atau tidak langsung dengan kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV). Syarikat berhak meminta hayat yang diasuranskan menjalani ujian darah untuk HIV sebagai syarat terlebih dahulu sebelum membenarkan sebarang tuntutan. Bagi tujuan pelan ini, jangkitan dianggap telah berlaku apabila darah atau ujian lain yang relevan telah menunjukkan kehadiran HIV atau antibodi bagi virus tersebut mengikut pendapat Syarikat.
- Kejadian yang Dilindungi disebabkan secara langsung akibat penyalahgunaan alkohol atau dadah.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi bagi senarai penuh pengecualian di bawah pelan ini.

8. Bolehkah saya membatalkan polisi ini?

Ya, anda boleh membatalkan polisi dengan memberi notis bertulis kepada Syarikat. Membeli polisi hayat adalah satu komitmen jangka panjang. Jika anda tidak membayar premium semasa tempoh tenggang selama 30 hari, polisi anda mungkin luput. Polisi ini tidak mempunyai sebarang nilai serahan. Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dan premium yang dibayar di bawah polisi adalah amaun yang anda mampu bayar.

9. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya/ penama?

Anda hendaklah memaklumkan kepada kami jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan anda/penama bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan kepada anda/penama dengan sepatutnya.

10. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut, sila rujuk buku *maklumat insurans* yang relevan seperti boleh didapati di www.insuranceinfo.com.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (93745-A)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Ibu Pejabat : Menara Great Eastern
303, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur.

Tel : +603 4259 8888

Faks : +603 4259 8000

E-mel : wecare-my@greataeasternlife.com

11. Jenis perlindungan lain yang serupa.

Anda boleh terus menghubungi Syarikat bagi mendapatkan maklumat berkenaan jenis perlindungan lain yang serupa.

NOTA PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT ADALAH SATU KOMITMEN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS PELAN YANG MEMENUHI KEPERLUAN PERIBADI ANDA DENGAN SEBAIKNYA. ANDA DIGALAKKAN UNTUK MELANTIK SEORANG PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA DIMAKLUMKAN BERKENAAN PELAN YANG ANDA BELI. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS ANDA SERTA BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU TERUS MENGHUBUNGI SYARIKAT BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk dokumen ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Maklumat yang disediakan dalam pemberitahuan produk ini adalah sah pada <dd/mm/yyyy>.